PERTUKARAN MATA WANG ASING

| | | | |
|---|---|---|---|
| $ 3.9925/.9965 DOLAR AMERIKA | € 4.5063/.5235 EURO | ¥ 3.9706/.9841 YEN JEPUN | Rp 0.0281/0.0238 RUPIAH INDONESIA |
| $ 2.9777/.9536 DOLAR SINGAPURA | $ 3.0040/2.9880 DOLAR AUSTRALIA | £ 5.2517/.7606 POUND STERLING | ฿ 10.7580/10.1500 BATH THAILAND |

Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: ekonomi@kosmo.com.my Faks: 03-9221 8590

### Melibatkan RM61.8 juta bagi mempercepatkan penutupan dana pertama

# Ekuinas lupus pegangan ACG

**KUALA LUMPUR –** Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas) mengumumkan pelupusan keseluruhan kepentingan ekuiti sebanyak 80 peratus dalam Alliance Cosmetics Group (ACG) kepada Navis Capital Partners (Navis) dengan melibatkan RM61.8 juta.

Navis adalah sebuah firma ekuiti persendirian swasta yang berpusat di Malaysia dengan dana bernilai A$5 bilion (RM20 bilion) di bawah pengurusannya pada tahun lalu.



Ia merupakan pelabur bersama Ekuinas dalam ACG apabila syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan itu membuat pelaburan sulung pada 2011, malah syarikat kosmetik tersebut juga adalah pelaburan pertama Ekuinas dalam segmen barangan pengguna laris.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda (**gambar**) berkata, pelupusan kepentingan kepada rakan kongsinya itu ekoran kemampuan Navis yang telah lama memantau perkembangan ACG untuk terus mengukuhkan prestasi mereka dalam masa terdekat.

"Walaupun keadaan pasaran tidak menentu sewaktu ACG berada di bawah pemilikan Ekuinas, namun ia berjaya berkembang ke Indonesia dan Filipina.

"Jenama keluarannya, Silkygirl, juga menjadi salah satu jenama pilihan untuk kosmetik warna dan pewangi bagi pasaran di Malaysia, Singapura dan Brunei.

"Pada masa yang sama, ACG terus berusaha membangunkan rangkaian produk baharu," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Menurut Raja Arshad, pelupusan ekuiti berkenaan menjana hasil kasar sebanyak RM61.8 juta dengan kadar pulangan dalaman (IRR) minimum sebanyak sembilan peratus.

"Jumlah pelaburan diterima balik adalah sebanyak 1.56 kali modal yang diberikan termasuk dividen yang diterima," ujar beliau.

Penjualan tersebut merupakan pelupusan keenam Ekuinas yang telah meningkatkan jumlah hasil direalisasi firma berkenaan kepada lebih RM1 bilion, yang turut melibatkan pelupusan separa dalam Icon Offshore Bhd. selepas hampir tujuh tahun beroperasi.

Ekuinas kini aktif merealisasikan aset bawah dana pertama, Ekuinas Direct (Tranche I) Fund, bagi memastikan ia dapat ditutup menjelang akhir tahun 2017.